

SILAT

Peluang Azman terjejas

-7 DEC 1987

Oleh SAPARIN RASIKIN

KECEDERAN ke atas pesilat harapan, Azmat Amat, mungkin menjejas peluang Singapura merebut pingat emas dalam Kejohanan Silat Sedunia Keempat, di Stadium Negara, Kuala Lumpur hari ini.


Tetapi ini tidak akan menggugat semangat jurulatih Republik, Hosni Ahmad, yang juga akan memimpin seorang lagi anak buahnya, Khalid Awab, bertarung dalam pertandingan akhir ini.

Azman, yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam dua perlawanan sebelum ini, dijangka mempunyai harapan untuk merebut emas dalam Kelas D apabila berdepan dengan pesilat Indonesia, Dhani Wisni.

Tetapi peluangnya itu tidak cerah yang diharapkan ekoran kecederaan di kakinya.

"Azman perlu menjalani rawatan intensif untuk memulih kecederaan di bahagian betis dan tulang keringnya," jelas Hosni dengan nada sedih ketika dihubungnya di Kuala Lumpur petang semalam.

"Mujur hari ini (Ahad) tidak



AZMAN AMAT: Cedera betis dan tulang keringnya.

ada pertandingan dan diharapkan kecederaannya itu akan pulih menjelang pertandingan akhir esok."

Hosni selanjutnya berkata: "Jika tidak kerana kecederaan ini, Azman mempunyai peluang yang cerah merebut pingat emas untuk Singapura. Tetapi kita tidak harus berputus asa kerana per-

juangan belum berakhir."

Beliau enggan mengulas tentang lawan Azman meskipun mengakui beliau merupakan pesilat yang berpengalaman.

Khalid juga akan berdepan dengan pesilat Indonesia, Faizal Mahuyuddin, dalam Kelas C.

Hosni menyifatkan harapan pesilat mudanya ini adalah 50-50 dan mengharap doa restu para penyokong bagi kejayaannya untuk mengharumkan nama Republik.

Selain daripada dua finalis ini yang akan menjamin dua butir pingat sama ada emas atau perak, empat daripada lima pesilat Singapura yang lain telahpun memenangi pingat gangsa selepas kalah di peringkat separuh akhir.

Mereka ialah Azrin Abdul Rahim, Jamal Jantan, Riduan Ahmad dan srikandi tunggal, Badriah Hosni. Satu-satunya pesilat yang pulang dengan tangan kosong dengan Sheikh Alauddin.

Mengulas tentang pencapaian ini, jurulatih Singapura itu berkata: "Memandangkan enam daripada tujuh pesilat kita akan pulang dengan membawa pingat, ia bolehlah saya sifatkan sebagai satu pencapaian yang baik."

Belgium jadi anggota baru

B. Harian (M)